

14 JUN 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Pensijilan Awal MSPO Bagi
SYARIKAT JAYA GADING BERSATU SDN BHD**

SYARIKAT JAYA GADING BERSATU SDN BHD telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan **PENILAIAN UTAMA PENSIJILAN** Malaysian Sustainable Palm Oil untuk **SYARIKAT JAYA GADING BERSATU SDN BHD**. Penilaian ini akan dilaksanakan ke atas **1** Pusat Peniaga Buah Kepala Sawit yang diuruskan oleh **SYARIKAT JAYA GADING BERSATU SDN BHD**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **SYARIKAT JAYA GADING BERSATU SDN BHD** pada **15.07.2025**. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MSPO 2530-4-3-2022: General Principles for dealers including supply chain requirements. Salinan Standard MSPO 2530-4-2-2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: mysol@jms.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Nama	Alamat	Aktiviti Pemprosesan	Rujukan GPS
Syarikat Jaya Gading Bersatu Sdn Bhd	Lot 15164, Sungai Batu, Pulau Tawar, 27000, Jerantut Pahang Darul Makmur	Perniagaan Buah Sawit dan Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan	3.932075246 240346, 102.4777220 7798931

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **SYARIKAT JAYA GADING BERSATU SDN BHD** terdiri daripada:

- i) En. Mohd Johari Bin Md Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) En. Mohamad Irwan Bin Senin sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 15.07.2025

Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari

Lokasi : Syarikat Jaya Gading Bersatu Sdn Bhd, Lot 15164, Sungai Batu, Pulau Tawar, 27000, Jerantut Pahang Darul Makmur

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim MSPO

Nurul Basyirah bt Bahrum
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Nurul Basyirah bt Bahrum

Penyelaras Skim MSPO

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.